

# UPM jalin kerjasama dengan AIST, KIT Jepun

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama dengan National Institute of Advanced Industrial Science and Technology (AIST) dan Kyushu Institute of Technology (KIT), Jepun menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani, baru-baru ini.

Kerjasama tiga penjurur itu bertujuan menjalankan penyelidikan mengenai sisa kelapa sawit untuk dijadikan biofuel dan bio-material menerusi projek

'waste to wealth' bagi kegunaan negara serantau.

Pada majlis itu, UPM diwakili Naib Canselornya,


**“***Kerjasama ini bermanfaat kepada UPM kerana AIST mempunyai kepakaran dalam teknologi terkini”*

**Nik Mustapha R Abdullah**  
Naib Canselor UPM

Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, manakala AIST oleh Pengarahnya Dr Kozo Uto dan KIT diwakili Presidennya, Dr Teruo Shimomura.

Nik Mustapha, berkata kerjasama ini memberi banyak manfaat kepada UPM kerana AIST mempunyai kepakaran mengenai teknologi terkini, selain hubungan baik dengan pihak industri di Jepun.

Selain itu, kerjasama terbabit turut membolehkan UPM menjalankan penyelidikan bersama menerusi pertukaran kakitangannya mahupun pelajar.



**NIK Mustapha** (tengah) bertukar dokumen dengan Kozo (kiri) sambil disaksikan Teruo, di UPM, baru-baru ini.